

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIV)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

22. Bagaimana Kerajaan Negeri dapat mengimbangkan peluang perniagaan dengan ketenteraman penduduk sekitar memandangkan pertambahan lesen hiburan berdekatan dengan kawasan perumahan dikeluarkan di kawasan Pulau Tikus telah mengakibatkan pencemaran bunyi?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Kerajaan Negeri sememangnya menyedari keperluan untuk mengimbangi peluang perniagaan dengan kesejahteraan hidup rakyat di Negeri Pulau Pinang. Sehubungan itu, bagi setiap Pelan Kebenaran Merancang (PKM) yang dikemukakan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan melaksanakan proses sesi bantahan penduduk terhadap cadangan pemajuan tersebut. Bantahan-bantahan yang dikemukakan akan diambil kira semasa pertimbangan untuk kelulusan PKM.

Setakat ini, terdapat pertambahan empat (4) buah pusat hiburan sahaja di kawasan Pulau Tikus berbanding tahun sebelumnya. Bagi memastikan ketenteraman penduduk sekitar, pihak PBT juga telah menetapkan beberapa syarat terhadap premis yang menjalankan aktiviti hiburan yang berdekatan dengan kawasan kediaman seperti berikut:

- (i) Sebarang aktiviti hiburan hendaklah dilakukan dalam jarak sekurang-kurangnya 100 meter dari kediaman penduduk atau sebarang institusi; dan

- (ii) Pengusaha hiburan perlu memasang alat penebat bunyi bagi mengurangkan pencemaran bunyi terhadap penduduk sekitar.

Pihak PBT juga akan merujuk semua permohonan lesen hiburan kepada agensi penguatkuasaan yang lain dan Pejabat Daerah bagi mendapatkan pandangan dan ulasan sebelum lesen tersebut diluluskan. Ini adalah salah satu usaha PBT untuk mencegah sebarang pencemaran bunyi di masa hadapan.